

BAB LIMA

PENUTUP

5.1. Pengenalan.

Antara hikmah Allah menciptakan lelaki dan perempuan ialah supaya mereka dapat bekerjasama untuk memakmurkan alam ini. Perbezaan ciri dan tabiat keduanya dapat saling digabungkan melalui kerjasama yang harmonis dengan menjaga batas-batas yang telah ditetapkan oleh Islam. Melalui kajian ini penulis dapat merasakan bahawa kerjasama antara kedua belah pihak adalah amat penting terutamanya dalam bidang pendidikan dan keilmuan.

5.2. Kesimpulan

Daripada kajian ini penulis dapat membuat beberapa kesimpulan bahawa:

- a) Hukum asal bagi pergaulan antara lelaki dan perempuan adalah haram. Walaubagaimanapun Islam memperuntukkan beberapa pengecualian dalam beberapa keadaan tertentu dengan syarat menjaga batas-batas pergaulan yang telah digariskan oleh Islam.

Antara keadaan-keadaan yang diharuskan pergaulan ialah semasa darurat (keadaan yang boleh mengancam nyawa), keperluan atau hajat yang tidak bertentangan dengan syara' seperti urusan muamalat dan penyaksian di mahkamah, urusan kerja dan juga pergaulan menurut adat kebiasaan seperti majlis kenduri dan ziarah.

Sementara itu batas-batas pergaulan yang telah digariskan oleh syara' merangkumi penjagaan aurat, pandangan, tidak berlaku khalwat dan adab pertuturan perlu dijaga pada waktu-waktu tersebut.

- b) Islam juga mengharuskan pergaulan untuk tujuan pendidikan. Al-Quran ,al-Sunnah dan fakta sejarah tamadun Islam telah membuktikan bahwa wanita berhak mendapatkan pendidikan. Keharusan ini tertakluk kepada etika-etika pergaulan dalam pendidikan iaitu menjaga batas-batas pergaulan yang umum, menjaga pandangan, pengasingan tempat duduk di dalam kelas, menjaga adab pertuturan dan larangan bersentuhan. Manakala pandangan yang mengatakan pergaulan antara lelaki dan perempuan tidak digalakkan adalah tidak didasarkan kepada hujah yang kukuh. Pendapat ini mungkin berdasarkan kepada kaedah *sadd dhari'ah* iaitu apabila batas-batas pergaulan tidak dapat dijaga maka mengambil menghalang pergaulan adalah lebih utama.
- c) Pergaulan di dalam pendidikan boleh memberikan impak positif seperti memupuk kerjasama antara lelaki dan perempuan dan memberikan pendedahan kepada pergaulan dengan jantina yang berlainan. Pada masa yang sama terdapat beberapa implikasi negatif dari pergaulan di dalam pendidikan seperti timbulnya gejala sosial kerana pergaulan yang tidak terkawal. Walaubagaimanapun, etika-etika pergaulan yang telah dianjurkan oleh Islam dapat mengimbangkan kesan-kesan positif dan negatif tersebut. Ini adalah kerana pergaulan yang terkawal dapat memberikan kesan yang positif dalam pendidikan.

- d) Kajian ini telah mendapati bentuk-bentuk pergaulan yang diamalkan di PMUIAM meliputi tiga keadaan utama iaitu di dalam kelas pengajian, di luar kelas pengajian dan semasa menjalankan aktiviti ko-kurikulum.
- e) Kajian ini juga mendapati tahap pengetahuan responden tentang hukum adalah memuaskan. Sebanyak 95 peratus daripada responden mempunyai tahap pengetahuan tentang hukum pergaulan yang tinggi, manakala yang selebihnya mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana. Faktor utama yang mempengaruhi tahap pengetahuan mereka tentang hukum pergaulan ialah tempat tinggal asal, aliran sekolah asal dan kursus yang diikuti di PMUIAM. Selain daripada itu rakan sebaya dan media massa juga memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman dan tabiat pergaulan mereka. Sebanyak 94 peratus daripada responden berpendapat remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebaya. Manakala 79 peratus daripada responden bersetuju bahawa media massa turut memainkan peranan yang sama.
- f) Kajian ini juga mendapati amalan dan penghayatan majoriti responden tentang hukum pergaulan adalah selari dengan kefahaman mereka tentang hukum tersebut. Faktor utama yang mempengaruhi tahap amalan mereka ialah pengetahuan mereka tentang hukum. Selain itu, undang-undang dan peraturan yang berkaitan pergaulan antara lelaki dan perempuan di PMUIAM turut memainkan peranan penting untuk mengawal dan mencorakkan pergaulan pelajar di sini.

g) Beberapa langkah yang dianggap berkesan untuk meningkatkan tahap pergaulan di PMUIAM ialah dengan menambahkan pengetahuan pelajar tentang hukum, contoh yang baik dari tenaga pengajar dan penguatkuasaan undang-undang yang telah sedia ada.

5.3. Cadangan dan Saranan

Berdasarkan dapatan kajian, penulis dapat mengenalpasti beberapa keperluan untuk menjalankan penulisan yang baru sebagaimana yang dicadangkan di bawah:

- i. Kajian ini diperluaskan skopnya kepada pergaulan antara pelajar dan staf lelaki dan perempuan, bukan tertumpu kepada pelajar sahaja.
- ii. Kajian terperinci terhadap modul-modul program peningkatan diri di PMUIAM untuk menilai keberkesanannya dalam memberikan kefahaman tentang hukum pergaulan kepada pelajar.

5.4. Penutup

Sebagai penutup penulis merasa bertuah kerana dapat memperdalamkan pengetahuan tentang hukum pergaulan antara lelaki dan perempuan seterusnya meninjau pengamalan pelajar di PMUIAM. Sesungguhnya kajian ini tidak lepas dari mempunyai beberapa kelemahan. Oleh itu penulis berharap kajian akan datang dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Semoga batas-batas pergaulan yang telah dianjurkan oleh

Islam ini dapat dipraktikkan oleh masyarakat kerana ia nyata telah terbukti dapat mengatasi gejala sosial yang makin menular terutamanya di kalangan remaja hari ini.

Institusi-institusi pengajian tinggi yang menjadi tumpuan para remaja seharusnya dijadikan pencetus kepada suasana pergaulan yang baik selaras dengan kehendak Islam demi memelihara keharmonian umat.